

ProtectSecure-*i Murni*

(This is a Takaful product)

Companion in your spiritual journey



The benefit(s) payable under eligible certificate is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact AmMetLife Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

A PIDM member

Managed by:

 **AmMetLife** Takaful

 **AmBank Islamic**

ProtectSecure-*i Murni*


We understand that it is the aspiration of every Muslim, to perform Hajj or Umrah at least once in their lifetime. As you prepare for this spiritual obligation, it is not only important to invest for the holy pilgrimage but also to have your family and yourself protected from the unfortunate event.

Keep yourself safe and worry-free by being protected today. Let us help you fulfil your dream to walk the path to Hajj or Umrah with peace of mind.

Get protected now and enjoy your investment hereafter

At AmMetLife Takaful Berhad ("AmMetLife Takaful"), we are passionate in providing you the best solution in your time of need.

ProtectSecure-*i Murni* is a Shariah compliant regular contribution family takaful plan which provides protection against death or Total and Permanent Disability ("TPD") in the form of sum covered, with badal hajj and waqaf benefits. If death or TPD occurs during Hajj or Umrah, additional sum covered will be payable. The plan also provides additional funeral benefit upon death and special allowance at the end of 3rd certificate year for your umrah or hajj aspiration.



Why ProtectSecure-*i Murni*

ProtectSecure-*i Murni* is an ordinary family takaful plan which matures when the participant reaches age 80 and offers an array of benefits.

1. Death or Total and Permanent Disability ("TPD")*

- 100% of Basic Sum Covered from the Participants' Risk Fund ("PRF") plus Participant's Investment Fund ("PIF") value will be payable in the event of death or TPD to reduce the financial burden of your loved ones.

2. Double Indemnity of Death or TPD* Benefit while Performing Hajj or Umrah

- Additional 100% Basic Sum Covered will be payable from the PRF if the death / TPD occurs while performing Hajj or Umrah.

3. Badal Hajj Benefit

- Hajj is the fifth and final pillar of Islam. If you are not able to perform Hajj due to your disability your family should appoint someone to perform Badal Hajj on your behalf.
- We will pay RM3,000 from the PRF to be used by your nominee to appoint wakeel to perform Badal Hajj, in the event of your death or TPD.

4. Waqaf Benefit

- One way for Muslim to achieve ceaseless pahala (i.e. rewards) after his death is through ongoing charity i.e. waqaf, as quoted in the following Hadith:
Abu Hurayrah quoted the Messenger of Allah, upon whom be peace, as saying: ***"When a man passes away, his good deeds come to an end except three: ongoing charity, beneficial knowledge, and righteous offspring who will pray for him."*** (Sahih Muslim)
- We will donate RM1,000 from PRF on behalf of you to selected waqaf organization approved by our Shariah Committee, in the event of your death or TPD.

5. Funeral Benefit

- Your nominee will receive RM5,000 as Funeral Benefit in one lump sum from the PRF, which can be used to take care of funeral costs and related expenses, in the event of your death.

6. Special Allowance

- A one off payment of RM1,500 will be payable from PIF at the end of 3rd certificate year, which can be used to cover your Umrah or Hajj expenses or to open up Tabung Haji account.

7. Maturity Benefit

- You are entitled to receive the accumulated value from your PIF (if any) upon maturity.

* TPD coverage will cease on the certificate monthly anniversary immediately following the participant's 65th birthday

Plans and Sum Covered

There are 4 plans available under ProtectSecure-*i Murni* as per following Schedule of Sum Covered:

Age at Entry	Plan 150 (RM)	Plan 200 (RM)	Plan 300 (RM)	Plan 400 (RM)
1-10	90,000	120,000	180,000	240,000
11-15	85,000	115,000	175,000	235,000
16-20	75,000	100,000	150,000	200,000
21-25	70,000	95,000	145,000	195,000
26-30	60,000	80,000	120,000	160,000
31-35	55,000	75,000	115,000	155,000
36-40	45,000	60,000	90,000	120,000
41-45	40,000	55,000	85,000	115,000
46-50	30,000	40,000	60,000	80,000
51-55	25,000	35,000	55,000	75,000
56-60	15,000	20,000	30,000	40,000

Answering Your Concerns

Who can participate in ProtectSecure-*i Murni*?

	Minimum age	Maximum age
Participant	30 days old	60 years old
Certificate Holder	17 years old	No limit

Age is defined as age next birthday

How long will I be covered?

Your coverage will be up to age 80 years old.

How much do I need to contribute?

Your contribution will depend on the plan that you choose. For example, if you choose Plan 200, you have to pay RM200 monthly. Your contribution amount remains the same throughout the certificate term, unless you add riders (if any) after inception. However, we reserve the right to revise your contribution at any time by giving ninety (90) days written notice in advance.

How does ProtectSecure-*i Murni* works for me?

Below is the example scenario for ProtectSecure-*i Murni* plan:

Ali, a 30 years old male, decides to participate in Plan 200 of ProtectSecure-*i Murni*. With RM200 monthly contribution, he will enjoy all the protection and savings provided under this plan.

1. At the end of 3rd certificate year,

He will receive

- RM1,500 Special Allowance from his PIF given that:
 - the certificate is still in force; and
 - the contribution payment is up to date; and
 - the balance in PIF after Special Allowance pay out must be at least RM100.

2. If Ali passes away,

His nominee will receive

- RM80,000 basic sum covered plus value in his PIF.
- RM3,000 Badal Hajj Benefit which can be used to appoint wakeel to perform badal hajj on Ali's behalf.
- RM5,000 Funeral Benefit.
- Additional RM80,000 if death occurs while performing Hajj or Umrah.

We will pay

- RM1,000 from PRF to waqaf organization approved by our Shariah Committee.

3. If Ali become totally and permanently disabled,

He will receive

- RM80,000 basic sum covered plus value in his PIF.
- RM3,000 Badal Hajj Benefit which can be used to appoint wakeel to perform badal hajj on Ali's behalf.
- Additional RM80,000 if TPD occurs while performing Hajj or Umrah

We will pay

- RM1,000 from PRF to waqaf organization approved by our Shariah Committee.

Note: Any claim payable from item 2 or 3 above will terminate the certificate.



Frequently Asked Questions

What are the applicable Shariah concepts?

a. Wakalah

This plan applies wakalah concept, where all certificate holders appoint AmMetLife Takaful Berhad to act on behalf of them to invest and manage the PIF and PRF. AmMetLife Takaful is entitled to a wakalah fee, for managing and investing the funds.

b. Tabarru'

This plan applies tabarru' concept, where all certificate holders agree to donate a specified portion from the contribution paid into the PRF for the purpose of mutual aid and assistance to all participants in times of misfortune.

c. Qard

An interest-free loan from AmMetLife Takaful in the event that the PRF is in deficit. The loan will be paid from the future surplus arising from the PRF.

What are the funds involved in ProtectSecure-i Murni?

Participant Investment Fund ("PIF")

PIF is your saving fund and it is managed by us in accordance with the principles of Shariah. It is made up of your allocated portion of the contributions, investment profit and any related Surplus distribution from the PRF. Upon maturity, you will receive the whole amount in your PIF.

Participants Risk Fund ("PRF")

PRF is made up of the tabarru' which is a portion of your contributions, to assist you and the fellow participants in need, through the benefits they are entitled to. We will pay your benefits from this fund.

Am I entitled to investment profit arising from PIF?

Any investment profit arising from your PIF will be retained in your PIF.

Am I entitled to net surplus arising from PRF?

You are entitled to receive 50% of the net surplus (if any) from the PRF and the balance of 50% is distributed to AmMetLife Takaful as a fee for managing the PRF. Your portion will be allocated into your PIF.

What are the charges or fees imposed under ProtectSecure-i Murni?

The details of the charges or fees are as follows:

1. Wakalah Fee

Wakalah Fee as a percentage of contribution will be charged to cover commissions and management expenses incurred in the management of takaful funds. Please refer below for the wakalah fee structure of ProtectSecure-i Murni.

Frequently Asked Questions

Certificate Year	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13 and above
Wakalah Fee (%)	70	30	30	30	30	30	30	20	20	15	15	15	6

2. Tabarru'

Tabarru' amount is deducted monthly from your PIF and allocated into the PRF. The tabarru' amount increases as you grow older.

3. Surrender Fee

A surrender fee that will be charged upon surrender of the certificate is RM100 or 10% of PIF value, whichever is lower.

Do I need to undergo medical examination?

You are not required to undergo any medical examination and you only need to answer our health questionnaires.

Can I do partial withdrawal during certificate term?

Yes, you can partially withdraw your PIF from fifth (5th) certificate year, subject to RM1,000 minimum withdrawal amount and RM2,000 minimum remaining PIF after such withdrawal.



Exclusions

What are the major exclusions under this plan?

AmMetLife Takaful will not pay the death benefit if the participant dies due to or arises from any of the following events:

- a) suicide (whether while sane or insane) within one (1) year from the commencement date or reinstatement date, whichever is later; or
- b) while under the influence of alcohol, narcotics or drugs other than those prescribed by a legally qualified medical practitioner; or
- c) pre-existing condition in the first twelve (12) months of the certificate or reinstatement date, whichever later; or

In such event, remaining balance in the PIF is payable.

AmMetLife Takaful shall not pay the TPD benefit for any TPD caused directly or indirectly, wholly or partly by any of the following:

- a) attempted suicide or self-inflicted bodily injuries while sane or insane; or
- b) while under the influence of alcohol, narcotics or misuse of drugs other than those validly prescribed by a legally qualified medical practitioner; or
- c) disability was existed prior to the commencement date; or
- d) pre-existing condition.

AmMetLife Takaful will not pay the double indemnity benefit while performing Umrah or Hajj if the participant dies or TPD occurs from any of the following events:

- a) before the participant enters the international border when travelling to Saudi Arabia; or after the participant enters the international border of the destination after departing from Saudi Arabia. If there is any transit flight arranged, the total accumulation hours of transit should not be more than twenty-four (24) hours; or
- b) while participant performs ziarah or travels outside of Saudi Arabia during Hajj or Umrah; or
- c) not within the coverage period of forty-five (45) days for Hajj and fifteen (15) days for Umrah, or the actual travel duration, whichever is shorter.

AmMetLife Takaful will pay the Badal Hajj and Waqaf benefit if the participant dies or TPD, subject to exclusion on death and TPD benefit.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the full list of exclusions, terms and conditions.

Important Notes

- a. ProtectSecure-*i Murni* is a Shariah-compliant family takaful product that has been approved by the company's Shariah Committee members who are prominent Shariah scholars.
- b. To participate in a family takaful plan is a long-term commitment. Early termination of the plan involves high cost and the withdrawal value may be less than the total contributions paid.
- c. You should satisfy yourself that this plan will best serve your needs and the contributions payable are affordable.
- d. ProtectSecure-*i Murni* will not provide benefit amount from the PRF upon termination, surrender or maturity.
- e. The returns from your PIF will be based on the actual performance of the fund and it is not guaranteed.
- f. The investment risk of your PIF will be borne solely by you and the benefits may be less than the total contributions which are contributed to your PIF.
- g. You are free to review the certificate within 15 calendar days from the receipt date of the certificate, and cancel it without assigning any reason. We will refund you the full contribution amount paid minus medical expenses (if any) incurred when issuing the certificate.
- h. The contributions for this plan will entitle you for individual income tax relief subject to the final decisions of the Inland Revenue Board (IRB).
- i. If you cease your contribution payment, your takaful certificate will continue to be in force as long as your PIF value is sufficient to be deducted for the *tabarru'* and other charges; otherwise the takaful certificate will lapse.
- j. This brochure contains brief description about ProtectSecure-*i Murni*. Please refer to the takaful certificate documents for full details on terms and conditions.
- k. Upon termination, maturity or expiry of the certificate, all benefits under ProtectSecure-*i Murni* will cease.
- l. Please refer to the Benefit Illustration for detailed illustration of ProtectSecure-*i Murni*.
- m. Upon cancellation or surrender, you have to submit a written notification to us and we will pay the value in your PIF (if any).
- n. For any claims related issues, do not hesitate to contact us immediately. Please refer to the back page of this brochure for our contact details.

ProtectSecure-i Murni

Kami memahami bahawa ia adalah aspirasi setiap Muslim untuk mengerjakan Haji atau Umrah sekurang-kurangnya sekali seumur hidup mereka. Sebagai persiapan untuk memenuhi tuntutan rohani ini, adalah penting bukan hanya untuk melabur untuk penghijrahan suci tetapi juga untuk memastikan diri anda sekeluarga dilindungi daripada sebarang kejadian yang tidak diingini.

Pastikan diri anda selamat dan bebas daripada kerisauan dengan mendapatkan perlindungan hari ini. Izinkan kami membantu anda untuk memenuhi impian anda untuk memudahkan perjalanan Haji dan Umrah dengan minda yang tenang.

Dapatkan perlindungan sekarang dan nikmati pelaburan kehidupan akan datang

Di AmMetLifeTakaful Berhad ("AmMetLife Takaful"), kami bersungguh-sungguh dalam memberikan penyelesaian yang terbaik pada masa anda memerlukan.

ProtectSecure-i Murni adalah plan takaful keluarga sumbangan berkala patuh Syariah yang menyediakan perlindungan terhadap kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal ("HUMK") dalam bentuk jumlah perlindungan, dengan manfaat-manfaat badal haji dan wakaf. Sekiranya kematian atau HUMK berlaku semasa mengerjakan Haji atau Umrah, jumlah perlindungan tambahan akan dibayar. Plan ini juga menyediakan manfaat khairat kematian sekiranya berlaku kematian dan elaun khas pada akhir tahun sijil yang ke-3 untuk aspirasi Umrah atau Haji anda.



Mengapakah ProtectSecure-i Murni

ProtectSecure-i Murni adalah plan takaful keluarga biasa yang matang apabila peserta mencapai umur 80 tahun dan menawarkan pelbagai rangkaian manfaat.

1. Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal ("HUMK")*

- 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas daripada Dana Risiko Peserta ("DRP") ditambah nilai Dana Pelaburan Peserta ("DPP") akan dibayar apabila berlaku kematian atau HUMK untuk mengurangkan beban kewangan insan-insan yang anda sayangi.

2. Indemniti Berganda untuk Manfaat Kematian atau HUMK semasa Mengerjakan Haji atau Umrah

- Tambahan sebanyak 100% Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar daripada DRP sekiranya anda haruslah melantik seseorang semasa mengerjakan Haji atau Umrah.

3. Manfaat Badal Haji

- Haji adalah rukun Islam kelima dan terakhir. Sekiranya anda tidak mampu untuk mengerjakan Haji disebabkan oleh ketidakupayaan atau kematian, ahli keluarga anda haruslah melantik seseorang untuk mengerjakan Badal Haji bagi pihak anda.
- Kami akan membayar RM3,000 daripada DRP untuk digunakan oleh penama anda untuk melantik wakil untuk mengerjakan Badal Haji apabila anda meninggal dunia atau mengalami HUMK.

4. Manfaat Waqaf

- Salah satu cara untuk seorang Muslim mendapat pahala (ganjaran) yang berterusan selepas kematiannya adalah melalui kebajikan yang berterus iaitu waqaf, seperti petikan Hadis berikut:
Diriwayatkan oleh Abu Hurayrah bahawa Nabi Muhammad S.A.W bersabda: ***"Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu: sedekah jariyah, ilmu yang dimanfaatkan, dan doa anak yang soleh."*** (Hadis Riwayat Muslim)
- Kami akan mendermakan RM1,000 daripada DRP bagi pihak anda kepada organisasi waqaf terpilih yang diluluskan oleh JawatanKuasa Syariah kami, apabila anda meninggal dunia atau mengalami HUMK.

* Perlindungan HUMK akan tamat pada ulangtahun bulanan sijil sebaik sahaja peserta mencapai 65 tahun.

Mengapakah ProtectSecure-i Murni

5. Manfaat Khairat Kematian

- Penama anda akan menerima RM5,000 dengan sekaligus daripada DRP sebagai Manfaat Khairat Kematian, yang boleh digunakan untuk menyelesaikan kos-kos atau perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan pengebumian, apabila anda meninggal dunia.

6. Elaun Khas

- Pembayaran sebanyak satu kali sebanyak RM1,500 daripada DPP pada akhir tahun sijil ke-3 yang boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan Umrah atau Haji anda atau untuk membuka akaun Tabung Haji.

7. Manfaat Matang

- Anda berhak untuk menerima nilai terkumpul dalam DPP anda (jika ada) apabila sijil matang.



Pelan dan Jumlah Perlindungan

Terdapat 4 pelan yang boleh dipilih di bawah ProtectSecure-i Murni seperti yang dinyatakan dalam Jadual Jumlah Perlindungan berikut:

Umur Kemasukan	Pelan 150 (RM)	Pelan 200 (RM)	Pelan 300 (RM)	Pelan 400 (RM)
1-10	90,000	120,000	180,000	240,000
11-15	85,000	115,000	175,000	235,000
16-20	75,000	100,000	150,000	200,000
21-25	70,000	95,000	145,000	195,000
26-30	60,000	80,000	120,000	160,000
31-35	55,000	75,000	115,000	155,000
36-40	45,000	60,000	90,000	120,000
41-45	40,000	55,000	85,000	115,000
46-50	30,000	40,000	60,000	80,000
51-55	25,000	35,000	55,000	75,000
56-60	15,000	20,000	30,000	40,000

Menjawab Persoalan Anda

Siapa yang boleh menyertai ProtectSecure-i Murni?

	Umur minima	Umur maksima
Peserta	30 hari	60 tahun
Pemegang Sijil	17 tahun	Tiada had

Umur ditakrifkan sebagai umur pada hari lahir akan datang.

Berapa lama saya akan dilindungi?

Perlindungan anda adalah sehingga anda berumur 80 tahun.

Berapa yang perlu saya sumbangkan?

Sumbangan anda adalah bergantung kepada pelan yang anda pilih. Sebagai contoh, jika anda memilih Pelan 200, anda perlu membayar RM200 setiap bulan. Sumbangan anda akan tetap sama sepanjang tempoh sijil, melainkan jika anda menambah rider (jika ada) selepas kemasukan. Walaubagaimanapun, kami mempunyai hak untuk mengubah sumbangan anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis selama sembilan puluh (90) hari terlebih dahulu.

Bagaimana ProtectSecure-i Murni berfungsi?

Di bawah ini adalah senario contoh untuk pelan ProtectSecure-i Murni:

Ali, seorang lelaki berumur 30 tahun, mengambil keputusan untuk menyertai Pelan 200 ProtectSecure-i Murni. Dengan RM200 sumbangan bulanan, dia boleh menikmati semua perlindungan dan simpanan yang terdapat dalam pelan ini.

1. Pada akhir tahun ke-3 sijil,

Dia akan menerima	• RM1,500 Elaun Khas daripada DPP dengan syarat: - sijil masih berkuatkuasa; dan - pembayaran sumbangan adalah sehingga tarikh yang terkini; dan - baki dalam DPP selepas pembayaran keluar Elaun Khas hendaklah sekurang-kurangnya RM100.
--------------------------	---

Menjawab Persoalan Anda

2. Sekiranya Ali meninggal dunia,

Penamanya akan menerima	• RM80,000 jumlah perlindungan asas ditambah dengan nilai DPP. • RM3,000 Manfaat Badal Haji yang boleh digunakan untuk melantik wakil untuk mengerjakan badal haji bagi pihak Ali. • RM5,000 Manfaat Khairat Kematian. • Tambahan sebanyak RM80,000 sekiranya kematian berlaku semasa mengerjakan Haji atau Umrah.
Kami akan membayar	• RM1,000 daripada DRP kepada organisasi waqaf yang diluluskan oleh JawatanKuasa Syariah kami.

3. Sekiranya Ali hilang upaya menyeluruh dan kekal,

Dia akan menerima	• RM80,000 jumlah perlindungan asas ditambah dengan nilai DPP. • RM3,000 Manfaat Badal Haji yang boleh digunakan untuk melantik wakil untuk mengerjakan badal haji bagi pihak Ali. • Tambahan sebanyak RM80,000 sekiranya kematian berlaku semasa mengerjakan Haji atau Umrah.
Kami akan membayar	• RM1,000 daripada DRP kepada organisasi waqaf yang diluluskan oleh JawatanKuasa Syariah kami.

Nota: Sebarang tuntutan dari perkara 2 atau 3 diatas akan menamatkan sijil ini.

Soalan-solan Lazim

Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

a. Wakalah

Pelan ini menggunakan konsep wakalah, di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLifeTakaful) untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan DPP dan DRP. AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah, untuk menguruskan dan pelaburan dana tersebut.

b. Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan yang ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan perlindungan bersama dan saling membantu kepada semua pemegang sijil ketika ditimpa musibah.

c. Qard

Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil dari DRP pada masa hadapan.

Apakah dana-dana yang terlibat dalam ProtectSecure-i Murni?

Dana Pelaburan Peserta ("DPP")

DPP adalah dana simpanan anda dan ia diuruskan oleh kami menurut prinsip-prinsip Syariah. Ia terdiri daripada bahagian sumbangan anda yang diperuntukkan, keuntungan pelaburan dan sebarang pengagihan lebihan yang berkaitan daripada DRP. Apabila sijil matang, anda akan menerima seluruh amaun dalam DPP anda.

Dana Risiko Peserta ("DRP")

DRP terdiri daripada tabarru' yang merupakan sebahagian daripada sumbangan anda, untuk membantu anda dan peserta-peserta lain yang memerlukan, melalui manfaat yang mereka berhak. Kami akan membayar manfaat-manfaat anda daripada dana ini.

Adakah saya berhak ke atas keuntungan pelaburan diperoleh daripada DPP?

Sebarang keuntungan pelaburan yang diperoleh daripada DPP anda akan kekal di dalam DPP anda.

Soalan-solan Lazim

Adakah saya berhak ke atas lebihan daripada DRP?

Anda berhak untuk menerima 50% daripada lebihan bersih (jika ada) dari DRP dan baki 50% akan diagihkan kepada AmMetLife Takaful sebagai fi untuk menguruskan DRP. Bahagian anda akan dimasukkan ke dalam DPP anda.

Apakah caj-caj atau fi-fi yang dikenakan di bawah ProtectSecure-i Murni?

Maklumat caj-caj dan fi-fi adalah seperti berikut:

1. Fi Wakalah

Fi Wakalah sebagai peratusan daripada sumbangan akan dicaj untuk menampung komisen-komisen dan perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang dikeluarkan dalam menguruskan dana-dana takaful. Sila rujuk struktur fi wakalah ProtectSecure-i Murni di bawah.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13 dan keatas
Fi Wakalah (%)	70	30	30	30	30	30	30	20	20	15	15	15	6

2. Tabarru'

Amaun tabarru' adalah ditolak setiap bulan daripada DPP anda dan dimasukkan ke dalam DRP. Amaun tabarru akan meningkat dengan peningkatan usia.

3. Fi Serahan

Fi serahan yang akan dicaj semasa serahan sijil adalah RM100 atau 10% daripada nilai DPP, yang mana lebih rendah.

Adakah saya perlu melalui pemeriksaan perubatan?

Anda tidak diperlukan untuk melalui sebarang pemeriksaan perubatan dan anda hanya perlu menjawab soalan-soalan kesihatan kami.

Bolehkah saya membuat pengeluaran sebahagian?

Ya, anda boleh mengeluarkan sebahagian DPP anda dari tahun kelima (ke-5), tertakluk kepada jumlah pengeluaran minima sebanyak RM1,000 dan minima baki DPP sebanyak RM2,000 selepas pengeluaran tersebut.

Pengecualian

Apakah pengecualian-pengecualian utama di dalam pelan ini?

AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat kematian jika peserta meninggal dunia disebabkan perkara-perkara berikut:

- a) bunuh diri (sama ada semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 1 tahun dari tarikh kuatkuasa atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih kemudian; atau
 - b) semasa peserta berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
 - c) keadaan sedia ada dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama sijil atau tarikh pengembalian semula, yang mana lebih kemudian; atau
- Sekiranya berlaku, baki di dalam DPP akan dibayar.

AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat HUMK untuk mana-mana HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian oleh perkara-perkara berikut:

- a) cubaan untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- b) semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- c) Hilang Upaya yang telah terjadi sebelum tarikh kuatkuasa; atau
- d) keadaan sedia ada.

AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat pampasan berganda semasa mengerjakan Umrah atau Haji sekiranya kematian atau HUMK berlaku daripada keadaan-keadaan berikut:

- a) sebelum peserta memasuki sempadan antarabangsa apabila pergi ke Arab Saudi; atau apabila peserta memasuki sempadan antarabangsa destinasi selepas berlepas dari Arab Saudi. Sekiranya terdapat penerbangan transit yang diaturkan, jumlah jam terkumpul transit tersebut hendaklah tidak lebih dari dua puluh empat (24) jam; atau
- b) semasa peserta melakukan ziarah atau melancong di luar kawasan Arab Saudi sewaktu Haji atau Umrah; atau
- c) tidak dalam tempoh perlindungan empat puluh lima (45) hari untuk Haji dan lima belas (15) hari untuk umrah, atau tempoh perjalanan sebenar, yang mana lebih singkat.

AmMetLife Takaful akan membayar manfaat Badal Haji dan Waqaf jika peserta meninggal dunia atau HUMK, tertakluk kepada pengecualian manfaat kematian dan HUMK.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai penuh pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat.

Nota Penting

- a. ProtectSecure-*i Murni* adalah produk takaful keluarga yang patuh Syariah yang telah diluluskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Syariah syarikat yang merupakan cendekiawan syariah yang terkemuka.
- b. Penyertaan dalam takaful keluarga merupakan komitmen jangka panjang. Penamatan awal sijil melibatkan kos yang tinggi dan nilai pengeluaran mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
- c. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang dibayar adalah mengikut keperluan.
- d. ProtectSecure-*i Murni* tidak akan menyediakan manfaat daripada DRP semasa penamatan, penyerahan atau kematangan.
- e. Pulangan-pulangan daripada DPP adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar dana dan tidak dijamin.
- f. Risiko pelaburan DPP akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat-manfaat mungkin akan kurang daripada jumlah sumbangan yang disumbangkan ke dalam DPP anda.
- g. Anda bebas mengkaji semula sijil dalam tempoh 15 hari kalendar bermula dari tarikh penerimaan sijil, dan membatalkannya tanpa sebab. Kami akan mengembalikan sepenuhnya kepada anda sumbangan yang telah dibayar ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang ditanggung apabila mengeluarkan sijil.
- h. Sumbangan-sumbangan untuk pelan ini akan melayakkan anda untuk pelepasan cukai individu tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- i. Jika anda berhenti membuat sumbangan, sijil takaful anda akan diteruskan selagi nilai DPP anda mencukupi untuk penolakan tabarru' dan caj-caj lain; jika tidak, sijil takaful akan luput.
- j. Brosur ini mengandungi penerangan ringkas tentang ProtectSecure-*i Murni*. Sila rujuk sijil takaful untuk butiran lengkap tentang terma-terma dan syarat-syarat.
- k. Semasa penamatan, tempoh matang atau tempoh luput sijil, semua manfaat di bawah ProtectSecure-*i Murni* akan dihentikan.
- l. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk ilustrasi penuh ProtectSecure-*i Murni*.
- m. Semasa pembatalan atau penyerahan, anda dikehendaki menghantar notis bertulis kepada kami dan kami akan membayar nilai DPP anda (jika ada).
- n. Untuk sebarang isu-isu tuntutan, sila rujuk kepada kami dengan segera. Sila rujuk muka belakang brosur ini untuk butiran-butiran maklumat kami.

Find out more from our Personal Banker today.

Ketahui lebih lanjut daripada Pegawai Perbankan Peribadi kami hari ini.



+603 2178 8888 | ambankislamic.com.my

Distributed by / *Diedarkan oleh:*

AmBank Islamic Berhad 199401009897 (295576-U)

Managed by / *Diuruskan oleh:*

AmMetLife Takaful Berhad 201101002936 (931074-V)

Members of the AmBank Group / Ahli AmBank Group

AmMetLife Takaful Berhad - Head Office / *Ibu Pejabat:*

Level 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur